



---

**KOLEJ YAYASAN PELAJARAN JOHOR****PEPERIKSAAN AKHIR DALAM TALIAN / ONLINE**

---

**NAMA KURSUS : ETIKA PROFESIONAL**

**KOD KURSUS : MPU2223**

**PEPERIKSAAN : NOVEMBER 2020**

**MASA : 6 JAM**

---

**ARAHAN KEPADA CALON**

1. Kertas soalan ini mengandungi **TIGA (3)** bahagian: **BAHAGIAN A (20 Markah)**  
**BAHAGIAN B (50 Markah)**  
**BAHAGIAN C (30 Markah)**
  2. Sila rujuk pada arahan terperinci di dalam kertas soalan ini.
  3. Pelajar dibenarkan merujuk kepada sumber seperti nota kuliah, buku, internet atau mana - mana sumber yang berkaitan.
  4. Jawab **SEMUA** soalan di dalam kertas jawapan iaitu kertas bersaiz A4 (atau lain-lain kertas dengan persetujuan pensyarah berkaitan).
  5. Tulis butiran anda seperimana berikut di penjuru atas kiri bagi setiap kertas jawapan:
    - i. Nama Penuh Pelajar
    - ii. No. Kad Pengenalan
    - iii. Seksyen Kelas
    - iv. Kod Kursus
    - v. Nama Kursus
    - vi. Nama Pensyarah
  6. Setiap helai kertas jawapan mesti ditulis nombor muka surat di penjuru bawah kanan.
  7. Jawapan hendaklah ditulis tangan, kemas dan jelas.
- 

**JANGAN BUKA KERTAS SOALAN INI SEHINGGA DIBERITAHU**

---

*KERTAS SOALAN INI MENGANDUNG 10 HALAMAN BERCETAK TERMASUK MUKA HADAPAN*

**BAHAGIAN A**

Bahagian ini mengandungi **lima (5)** soalan.

Jawab **semua** soalan. Jawab dalam Buku Jawapan.

**Cemerlang Tetapi Tidak Bermoral**

Pengumuman keputusan peperiksaan awam setiap tahun, Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) dan Sijil Tinggi Pelajaran Malaysia (STPM) sememangnya memberikan pelbagai kisah warna-warni. Kisah kejayaan pelajar cemerlang dipaparkan di dada akhbar tempatan yang bukan sahaja bertujuan untuk memaklumkan berita, malah memberikan cetusan inspirasi kepada para pelajar lain. Di ceruk desa atau kota, orang sibuk bertanyakan bilangan "A" si polan yang mengambil peperiksaan tersebut. Persoalannya, adakah bilangan "A" benar-benar menjamin kecemerlangan diri pelajar tersebut? Bagaimanakah dengan nasib pelajar yang kurang cemerlang? Adakah mereka boleh diklasifikasikan sebagai gagal dalam kehidupan pada masa hadapan?

Senario kecenderungan kepada kecemerlangan akademik bukanlah satu perkara baru. Fenomena ini telah memberi impak positif kepada pelbagai usaha yang dilaksanakan pada peringkat institusi pendidikan bagi melahirkan sebanyak mungkin pelajar cemerlang. Tambahan pula, sekolah yang berjaya melahirkan keputusan akademik dan pencapaian kokurikulum yang cemerlang diletakkan di tempat teratas. Yang pasti, sekolah ini menjadi idaman dan buruan ibu bapa untuk menghantar anak. Para pelajar terpaksa berhempas pulas untuk melepas standard yang telah ditetapkan oleh Kementerian Pendidikan untuk menempah tiket ke institusi pengajian tinggi.

Namun begitu, adakah ini ukuran kecemerlangan yang hakiki? Bagaimanakah pula dengan kes yang pernah menggemparkan negara apabila seorang anak dan bapanya yang berpangkat membuat slip keputusan peperiksaan palsu semata-mata untuk mendapatkan keputusan yang cemerlang dalam SPM?

Dalam membicarakan konteks ini, Malaysia pernah dikejutkan pada tahun 2008 dengan kisah pelajar genius Matematik, Sufiah Yusuf, yang berusia 23 tahun ketika itu, dilaporkan menjalankan aktiviti pelacuran di rumah flat murahnya di Manchester. Gadis

Melayu Islam ini, yang diterima masuk ke Universiti Oxford ketika berusia 13 tahun, dikatakan menawarkan khidmat seks melalui internet dengan bayaran 130 paun sterling (RM845) bagi satu sesi. Kesempitan hidup untuk membayar sewa rumah dan pembiayaan pengajian pada peringkat sarjana dalam bidang ekonomi dikatakan penyebab utama Sufiah nekad mengambil tindakan sedemikian.

Senario ini juga berlaku dalam kalangan pelajar institut pengajian tinggi yang sanggup menjadi teman sosial golongan tertentu semata-mata untuk mendapat duit lebih bagi memenuhi kehendak dan tuntutan hidup remaja seperti bergaya dengan peranti, berpakaian mahal, dan bersuka ria di kelab mewah. Golongan pelajar ini telah terbukti mempunyai pencapaian akademik yang cemerlang, namun bolehkah mereka kita golongkan sebagai pelajar cemerlang dari segi moralnya?

Aspek nilai dan moral telah diakui oleh para sarjana dan bijak pandai sebagai elemen yang penting dalam pembinaan tamadun manusia. Hal ini dikatakan demikian kerana nilai yang baik menjadi sendi yang mengikat perhubungan dalam sesuatu masyarakat untuk mewujudkan keamanan, kestabilan dan kesejahteraan. Tambahan pula, sejarah dunia telah membuktikan bahawa kejatuhan tamadun hebat sebenarnya berpunca daripada keruntuhan akhlak, seperti yang berlaku dalam tamadun Yunani purba dan tamadun Islam.

Kegemilangan tidak berkekalan dengan tradisi keilmuan semata-mata tanpa penekanan kepada penghayatan nilai. Tokoh ilmuwan, Ibnu Khaldun berkata bahawa musibah kepada tamadun itu akan berlaku jika masyarakatnya terlalu mementingkan kebendaan dan tenggelam dalam keseronokan serta kemewahan sehingga hilangnya nilai moral dan semangat kekitaan. Minda yang bijak tidak memberi sebarang makna kepada peningkatan kualiti hidup seandainya jiwanya kosong dan nilai negatif menguasai diri. Hal yang sama turut diakui oleh Eric Erikson, pakar psikologi , yang mengatakan bahawa pelajar yang cemerlang akademiknya tanpa disusuli pembangunan sahsiah akan mengheret emosi mereka kepada masalah krisis identiti, tekanan bebanan pelajaran, tekanan ekonomi dan persekitaran sehingga menyebabkan mereka melepaskan kekecewaan menerusi aktiviti merokok, berpeleseran dan kerap menimbulkan masalah disiplin. Oleh itu, penekanan kepada aspek nilai dan pembangunan moral amat penting, seperti kata Imam Al-Ghazali, jika

ingin melihat rupa negara pada masa akan datang, lihatlah remaja pada hari ini. Kejadian rasuah dan pecah amanah pegawai atasan yang kerap dilaporkan di negara kita cukup jelas menggambarkan generasi bijak tanpa disusuli nilai moral yang tinggi amat merugikan bangsa dan negara.

Sehubungan dengan itu, kerajaan menerusi sistem pendidikan negara, telah berusaha untuk melahirkan insan seimbang dan bersepada seperti yang tersurat dalam Falsafah Pendidikan Kebangsaan. Elemen akhlak, moral dan nilai murni merupakan unsur penting yang menjadi tunjang untuk melahirkan warganegara yang baik, berakhlak mulia dan seterusnya memberi sumbangan kepada negara. Dalam membicarakan hal ini, kita tidak dapat lari dari aspek pembangunan modal insan yang merupakan sumber intelek yang ada pada setiap diri manusia meliputi aspek kemahiran, ilmu pengetahuan dan mampu menyumbangkan kebaikan. Oleh itu, kualiti modal insan tidak hanya terletak kepada keupayaan ilmu pengetahuan, sebaliknya memberi nilai tambah yang tinggi sekiranya berpegang teguh pada nilai dan etika sebagai asas pedoman. Prof Dato' Dr. Sidek Baba, tokoh pendidikan tersohor pernah berkata tanpa nilai dan etika, remaja nantinya akan kehilangan pedoman dan petunjuk tentang sesuatu yang baik atau buruk, halal atau haram, berguna atau sebaliknya, supaya kehidupan dewasanya nanti akan lebih sejahtera.

Antara langkah-langkah untuk menjadi insan bermoral, misalnya Kementerian pendidikan telah memperkenalkan mata pelajaran khusus di sekolah dan institut pengajian tinggi seperti Pendidikan Islam, Pendidikan Moral, Pengajian Malaysia, Etika Profesional dan sebagainya bukan bertujuan untuk peperiksaan semata-mata, tetapi supaya pelajar dapat menghayati dan mempraktikkan nilai tersebut dalam kehidupan harian. Selain itu, penyelesaian masalah keruntuhan moral dan nilai murni yang semakin menipis, ialah kembali kepada penghayatan beragama. Agama menyeru kepada kebaikan dan meninggalkan segala larangan seperti yang terkandung dalam ajaran agama Islam. Pepatah Arab ada menyebut, "sekiranya ingin menjadi wangi, bersahabatlah dengan penjual minyak wangi". Pepatah ini membawa maksud pengaruh rakan-rakan yang baik penting dalam membina pesonaliti yang baik dan berakhlak mulia. Memilih kawan yang baik membolehkan kita sentiasa berbincang ke arah tindakan yang positif, membina personaliti yang baik dan mampu mempengaruhi pemikiran serta tindakan harian kita. Akhir sekali, seseorang pelajar seharusnya

mempunyai suri teladan yang berakhhlak tinggi sebagai ikutan dalam usaha mencapai kecemerlangan hakiki. Sebagai umat Islam, model yang terbaik tentulah Nabi Muhamad SAW yang sememang bijak dan sangat terkenal dengan keindahan akhlaknya. Kisah suri teladan baginda menjadi inspirasi untuk kita contoh agar menjadi insan yang berkualiti.

(Disesuaikan daripada petikan “Cemerlang Tetapi Tidak Bermoral”, Dewan Siswa, November 2014)

1. Berdasarkan petikan di atas, senaraikan **tiga (3)** contoh pelanggaran etika yang berlaku dalam dalam kalangan golongan terpelajar. (3 markah)
  
2. Apakah yang dimaksudkan dengan pelanggaran etika? (2 markah)
  
3. Berdasarkan pendapat anda, jelaskan **tiga (3)** sebab mengapakah golongan yang cemerlang akademik masih melakukan perbuatan-perbuatan yang tidak bermoral? (3 markah)
  
4. Jelaskan **dua (2)** inisiatif yang perlu dilakukan oleh pihak kerajaan untuk menangani masalah pelanggaran etika. (4 markah)
  
5. Huraikan **empat (4)** langkah untuk membentuk insan yang bermoral seperti yang dicadangkan dalam artikel ini untuk membentuk insan yang bermoral. (8 markah)

**[20 MARKAH]**

**BAHAGIAN B**


Bahagian ini mengandungi **lima (5)** soalan.

Jawab **semua** soalan. Jawab dalam Buku Jawapan.

**SOALAN 1**

Golongan profesional perlulah memberikan perkhidmatan yang sama kepada semua tanpa mengira agama, warna kulit, jantina, fahaman politik dan status sosioekonomi.

- a. Dalam mendapatkan perkhidmatan daripada golongan profesional, klien yang berkenaan akan menghadapi masalah ketidaksamaan peluang. Bila dan bagaimanakah keadaan ini boleh berlaku? (4 markah)
- b. Hakikat kesaksamaan peluang selalunya gagal dilaksanakan kerana faktor ekonomi. Jelaskan pernyataan ini dengan memberikan contoh yang sesuai. (6 markah)

**SOALAN 2**

**Rajah 1: Hubungan golongan profesional – klien**

- a. Namakan hubungan golongan profesional – klien pada bahagian berlabel **X**. (1 markah)
- b. Terangkan **tiga (3)** ciri hubungan pada 1 a. (5 markah)
- c. Jelaskan **dua (2)** kelemahan hubungan profesional – klien di atas. (4 markah)

### SOALAN 3

BIL	SITUASI	PIHAK PERTAMA	PIHAK KEDUA	PIHAK KETIGA
1	Di Kolej YPJ	Pelajar	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Ibu bapa</li> <li>• penjaga</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Pelawat</li> <li>• Stakeholder</li> <li>• Masyarakat sekitar</li> <li>• Rakan kerjasama</li> </ul>
2	Pekerja yang sedang sakit di hospital	pekerja	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Waris terdekat pesakit</li> </ul>	<b>X</b>
3	Di kawasan Felda	peneroka	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Isteri peneroka</li> <li>• Anak-anak peneroka</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Pelawat felda</li> <li>• Masyarakat sekitar</li> </ul>

**Jadual 1: Menunjukkan situasi dalam obligasi profesional terhadap pihak ketiga.**

- a. Senaraikan **tiga (3)** contoh pihak ketiga pada bahagian berlabel **X**. (3 markah)
- b. Terangkan keperluan pihak ketiga daripada golongan profesional melalui obligasi ini ? (3 markah)
- c. Jelaskan **dua (2)** ciri obligasi terhadap pihak ketiga. (4 markah)

**SOALAN 4**

Dari masa ke semasa golongan profesional perlu mempertingkatkan pengetahuan dan kemahiran selari dengan perkembangan ilmu yang begitu pesat hari ini. Misalnya doktor dan jurutera boleh mempertingkatkan kepakaran dan perkhidmatan melalui penyelidikan.

- a. Apakah yang akan diperolehi daripada penyelidikan yang dibuat oleh golongan profesional? (2 markah)
  
- b. Mengapakah golongan profesional berkeupayaan untuk melakukan penyelidikan? (2 markah)
  
- c. Jelaskan **tiga (3)** jenis tanggungjawab yang boleh dilakukan oleh golongan profesional terhadap profesionnya. (6 markah)

**SOALAN 5**

Pada umumnya, golongan profesional mempunyai hak moral yang bertindih dengan hak sebagai sebagai manusia biasa, sebagai pekerja dan sebagai profesional. Sebagai manusia biasa, golongan profesional mempunyai hak asas untuk hidup dan bebas menjalankan kehidupan. Mereka juga berhak untuk bekerja bagi menyara kehidupan dan berhak untuk tidak didiskriminasi dalam apa-apa bentuk sekalipun.

- a. Terangkan maksud hak golongan profesional dan berikan satu contoh yang sesuai. (4 markah)
  
- b. Berikan penjelasan tentang diskriminasi terhadap golongan profesional dalam profesionnya dan berikan satu contoh yang sesuai. (4 markah)

- c. Kebersendirian (*privacy*) merupakan salah satu hak pekerja. Terangkan tentang keperluan perkara tersebut dengan contoh yang sesuai bagi seseorang pekerja.

(2 markah)

**[50 MARKAH]**

**BAHAGIAN C**

Bahagian ini mengandungi **dua (2)** soalan. Jawab **satu (1)** soalan sahaja.

Tulis jawapan anda di dalam Buku Jawapan.

**SOALAN 1**

Semua profesi mempunyai peraturan-peraturannya yang dikuatkuasakan sendiri. Norma-norma tersebut telah dikenal pasti dan dikuatkuasakan oleh profesi masing-masing. Bagitu juga dengan autonomi bukan sahaja melibatkan soal penguatkuasaan peraturan-peraturan sendiri terhadap tingkah laku profesional tetapi lebih daripada itu. Dengan menggunakan contoh-contoh yang sesuai, bincangkan kelebihan dan kelemahan sistem penguatkuasaan peraturan sendiri dalam mengawal tingkah laku profesional. Huraikan juga **tiga (3)** faktor mengapa golongan profesional memerlukan autonomi ketika memberi perkhidmatan kepada masyarakat?

(30 markah)

**SOALAN 2**

Pada tahun 1992, Tan Sri Ahmad Sarji bin Abdul Hamid yang merupakan Ketua Setiausaha Negara telah memperkenalkan Tonggak 12 dalam budaya kerja Perkhidmatan Awam. Tonggak 12 membicarakan nilai, etika dan budaya kerja yang perlu ada pada penjawat awam. Dengan merujuk kepada contoh-contoh yang sesuai, bincangkan **empat (4)** masalah pelanggaran etika yang biasa dilakukan dalam kalangan penjawat awam di Malaysia. Bagaimanakah penghayatan nilai-nilai etika dan budaya kerja yang terdapat dalam Tunggak 12 dapat membentuk penjawat awam yang berintergriti dan berdedikasi dalam kerjanya?

(30 markah)

**[30 MARKAH]**

**KERTAS SOALAN TAMAT**